

04 NOV 1999

Ibrahim-Peguam

BADAN BERASINGAN UNTUK DISIPLINKAN PEGUAM TIDAK PERLU

KOTA BAHARU, 4 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali berkata sebuah badan baru tidak perlu ditubuhkan dalam usaha untuk mendisiplinkan para peguam.

Katanya peruntukan yang disediakan di bawah Akta Profesion Guaman dan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara yang dipengerusikan Hakim Mahkamah Rayuan sudah mencukupi bagi menangani masalah peguam yang melanggar disiplin.

"Pembentukan badan baru bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan isu itu, malah ia juga akan merumitkan lagi keadaan," kata beliau pada sidang media di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan anggota Exco Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh supaya kerajaan meminda akta berkenaan bagi membolehkan peguam didisiplinkan oleh sebuah lagi badan selain Majlis Peguam.

Menurut Ibrahim peruntukan yang ada sudah mencukupi bagi membolehkan pihak berkenaan mengambil tindakan terhadap peguam yang melanggar disiplin dalam profesion mereka.

Ibrahim berkata bagaimanapun tindakan bagi mendisiplinkan peguam akan terus diambil termasuk dalam kes-kes yang dianggap menghina mahkamah.

Beliau berpendapat peraturan dan undang-undang yang diterima pakai sekarang agak kabur termasuk daripada aspek apa yang boleh dan yang tidak boleh disentuh hingga ia dianggap menghina mahkamah di bawah akta itu.

Menurut Ibrahim pada masa ini Jabatan Peguam Negara masih meneliti memorandum oleh majlis peguam kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

-- BERNAMA

SM NMO